



**JABATAN BOMBA
DAN
PENYELAMAT MALAYSIA**

**PERANCANGAN STRATEGI
JABATAN
JBPM / PS / 23**

	Nama	T/Tangan	Tarikh
Disediakan Oleh :	PPjB Yusof Bin Sidek		18.05.2010
Diluluskan Oleh :	Dato' Mahadi Bin Md Ali Tim.Ketua Pengarah (Operasi)		18.05.2010

NO KELUARAN : 02

TARIKH : 18.05.2010



REKOD PINDAAN

BIL	KELUARAN/ PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN/ MUKASURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1	02	18.05.2010	Keseluruhan Prosedur	Pindaan dibuat berdasarkan penstrukturan baru Jabatan



1. OBJEKTIF

Untuk membentuk satu rangka kerja pelaksanaan yang menyeluruh dan berkesan ke arah menentukan kedudukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sejajar dengan kemajuan dan keperluan negara melalui penghasilan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

2. SKOP

Garis Panduan ini digunapakai oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

3. DEFINISI

Strategi – Rangka kerja pelaksanaan meliputi jangkamasa pendek dan panjang yang efektif.

4. RUJUKAN

- 4.1 Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun (Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 1999).
- 4.2 Fail-fail mesyuarat :
 - 4.2.1 Mesyuarat Penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun.
 - 4.2.2 Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri.
- 4.3 Buku Statistik dari Jabatan Perangkaan Negara.
- 4.4 Laporan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).
- 4.5 Buku Kajian Separuh Penggal.
- 4.6 Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP).



5. SINGKATAN

- | | | | |
|------|---------|---|---|
| 5.1 | KSU | - | Ketua Setiausaha |
| 5.2 | KP | - | Ketua Pengarah |
| 5.3 | TKP (O) | - | Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) |
| 5.4 | TKP (P) | - | Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) |
| 5.5 | PKP | - | Penolong Ketua Pengarah |
| 5.6 | PKP P | - | Penolong Ketua Pengarah Bahagian
Pembangunan |
| 5.7 | PP | - | Pengarah Pengurusan |
| 5.8 | PBN | - | Pengarah Bomba Negeri |
| 5.9 | KPKT | - | Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan |
| 5.10 | JPM | - | Jabatan Perdana Menteri |
| 5.11 | UPE | - | Unit Perancang Ekonomi |
| 5.12 | UPP | - | Unit Penyelarasan Perlaksanaan |
| 5.13 | JPA | - | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| 5.14 | JBPM | - | Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia |
| 5.15 | RRJP | - | Rangka Rancangan Jangka Panjang |
| 5.16 | RMLT | - | Rancangan Malaysia Lima Tahun |



5. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.1	Arahan Penyediaan Pekeliling Am Penyediaan Rancangan Lima Tahun dikeluarkan oleh UPE kepada JBPM.	KP/TKP (O)/TKP (P)/ PKP/PBN/PP
6.2	Perancangan Strategi Jabatan Dasar dan strategi RMLT adalah berteraskan Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) yang memberi penekanan kepada pembangunan kualiti ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.	KP/TKP (O)/TKP (P)/ PKP/PBN/PP
6.3	Edaran Garis Panduan Garis panduan penyediaan maklumat untuk projek RMLT diedarkan kepada semua PKP Bahagian dan juga PBN. Semua PKP Bahagian dan PBN dikehendaki mengkaji keperluan program atau projek mengikut perancangan masing-masing berdasarkan garis panduan yang diedarkan.	PKP P
6.4	Pengumpulan dan Semakan Maklumat Semua maklumat dan cadangan pelaksanaan program/projek daripada PKP Bahagian dan PBN dikumpulkan dan disemak untuk kajian keseragaman perancangan strategi JPBM bagi tempoh 5 tahun yang akan datang.	PKP P



BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.5	Pembentangan Cadangan Program /Projek i. Semua PKP Bahagian dan PBN dikehendaki membentangkan cadangan program/projek untuk mendapatkan kelulusan pihak tertinggi JBPM. ii. Jika program/projek diluluskan, tindakan seterusnya adalah seperti di para 6.6. iii. Jika program/projek tidak diluluskan, PKP Bahagian dan PBN yang terlibat perlu membuat semakan atau kajian semula seperti di para 6.3.	PKP/PBN
6.6	Proses Semakan Terakhir Proses semakan terakhir dibuat di peringkat Ibu Pejabat (Bahagian Pembangunan) sebelum proses penjilidan dibuat.	PKP P
6.7	Proses Penjilidan Semua dokumen yang telah dilengkapkan dijilidkan mengikut butiran projek/program yang akan dipohon di dalam RMLT dan seterusnya akan dimajukan kepada agensi-agensi pusat (KPKT, UPE, UPP, JPA dan Kementerian Kewangan) untuk kelulusan.	PKP P



BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.8	Semakan di Peringkat UPE Semakan di peringkat UPE dibuat sebelum permohonan kelulusan dimajukan kepada Parlimen.	UPE
6.9	Kelulusan Parlimen Permohonan yang dikemukakan seterusnya akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk mendapatkan kelulusan Parlimen.	JPM
6.10	Pengeluaran Surat Kelulusan Pihak UPE akan mengeluarkan surat kelulusan pelaksanaan projek/program RMLT kepada KPKT untuk dipanjangkan kepada Ibu Pejabat, JBPM.	KPKT
6.11	Penerimaan Senarai Kelulusan Pelaksanaan Projek/Program RMLT Pihak JBPM seterusnya akan menerima surat kelulusan senarai program/projek yang telah diluluskan di dalam RMLT daripada KPKT.	KP/TKP (O)/TKP (P)/ PKP P



BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.12	Kelulusan Projek Projek/program yang telah mendapat kelulusan akan ditetapkan keutamaan pelaksanaan di peringkat Ibu Pejabat, JBPM. Ibu Pejabat JBPM seterusnya menyenaraikan projek yang tidak diluluskan untuk dikaji semula di dalam Kajian Separuh Penggal (KSP).	PKP P
6.13	Pengedaran Senarai Kelulusan Projek/Program RMLT Senarai kelulusan projek/program RMLT akan diedarkan kepada semua PKP Bahagian dan juga PBN untuk makluman, tindakan dan pemantauan.	PKP P
6.14	Pelaksanaan dan Pemantauan Projek Proses mengimplementasikan dan memantau projek/program RMLT di peringkat Ibu Pejabat dan negeri-negeri seterusnya dilaksanakan bagi mencapai objektif perancangan strategi jabatan.	PKP P/PBN
6.15	Rekod Pelaksanaan dan pemantauan program/projek direkodkan di peringkat Ibu Pejabat dan negeri untuk rujukan dan rekod.	PKP P/PBN



7. REKOD KUALITI

BIL.	JENIS REKOD	LOKASI	TEMPOH PENYIMPANAN
7.1	Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun (Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 1999).	Ibu Pejabat	5 tahun
7.2	Mesyuarat Penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun.	Ibu Pejabat	5 tahun
7.3	Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri.	Ibu Pejabat	5 tahun
7.4	Buku Statistik dari Jabatan Perangkaan Negara.	Ibu Pejabat	5 tahun
7.5	Laporan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).	Ibu Pejabat	5 tahun
7.6	Buku Kajian Separuh Penggal.	Ibu Pejabat	5 tahun
7.7	Buku Rancangan Rangka Jangka Panjang.	Ibu Pejabat	5 tahun



**JABATAN BOMBA
DAN
PENYELAMAT
MALAYSIA**

**PERANCANGAN STRATEGI
JABATAN
JBPM / PS / 23**

Muka Surat : 10/10


Tarikh : 18.05.2010


8. LAMPIRAN

8.1 Carta aliran Perancangan Strategi Jabatan – Lampiran 1

Lampiran 1.

**CARTA ALIRAN PERANCANGAN STRATEGI JABATAN
(RANCANGAN MALAYSIA LIMA TAHUN)**





Semakan di peringkat EPU.

Kelulusan Parlimen.

Surat kelulusan projek dikeluarkan oleh EPU.

Senarai projek-projek yang telah diluluskan dimajukan kepada KPKT oleh EPU.

KPKT mengemukakan senarai kelulusan projek daripada EPU kepada Ibu Pejabat JBPM.

Kelulusan projek.

Agihan senarai kelulusan.

Penetapan keutamaan pelaksanaan di peringkat Ibu Pejabat JBPM.

Pelaksanaan dan pemantauan projek.

Rekod.

Tamat.